

Dr Mahathir luah harapan melalui puisi

5 0 AUG 2002

PUTRAJAYA, Khamis --Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mendeklamasikan puisi yang meluahkan harapannya terhadap bangsa Melayu supaya jangan leka dan jangan sentiasa mengharapkan bantuan dalam menghadapi cabaran yang mendatang.

Menerusi bait-bait puisi yang bertajuk 'Menghadapi Cabaran: Menantang Bangsa', Perdana Menteri mengingatkan orang Melayu bahawa mereka akan kehilangan segala-galanya termasuk maruah jika terus berpecah.

Dr Mahathir juga mengingatkan bangsa Melayu supaya berusaha sendiri untuk mencapai kejayaan kerana katanya: "Tiada jalan mudah bagi bangsa berjaya, kemuliaan, kesejahteraan mesti diisi tangan sendiri".

Beliau juga mahu orang

Melayu dan rakyat Malaysia keseluruhannya tidak mudah berputus asa dalam mempertahankan negara daripada sebarang ancaman yang boleh menjejaskan kesejajleraan negara.

Dr Mahathir menyampaikan puisi itu pada Pesta Puisi Patriotik Ketiga anjuran Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri di sini.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, juga menyampaikan puisi bertajuk 'Suara Hati'.

Beberapa orang kenamaan turut menyampaikan puisi pada majlis itu termasuk Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman; Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Sassterawan Negara, Datuk A

Samad Said.

Pada majlis itu, Dr Mahathir juga menerima Jalur

Gemilang daripada pasukan berjalan kaki tanpa henti dari Melaka ke Putra-

jaya yang diserahkan oleh ketuanya, Mohd Rawi Mat Isa.